

PERKAHWINAN LAVENDER: CABARAN KEUTUHAN INSTITUSI KELUARGA DALAM KONTEKS UNDANG- UNDANG SYARIAH KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

LAVENDER MARRIAGE: THREATS TO FAMILY INTEGRITY UNDER ISLAMIC SHARIAH FAMILY LAW IN MALAYSIA

Hamidah binti Harun^{1*}
Noraini binti Junoh¹
Sharifah Shazwani binti Syed Mohamed²
Nurulhaq Zahidah binti Lukman³
Aishah binti Rosli⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara cawangan Kelantan, 18500 Bukit Ilmu, Machang, Kelantan, Malaysia. (E-mail: hamidaharun@uitm.edu.my norainijunoh@uitm.edu.my)

² Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400 Johor Bharu (E-mail: sshazwani@uthm.edu.my)

³ Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, Terengganu Malaysia (si5011@putra.edu.my)

⁴ Pengamal Undang-Undang Syariah Negeri Terengganu dan Kelantan (E-mail: aishahrosli2343@gmail.com)

*Corresponding author: Author A email address

Article history

Received date : 13-1-2026
Revised date : 14-1-2026
Accepted date : 27-2-2026
Published date : 12-3-2026

To cite this document:

Harun, H., Junoh, N., Syed Mohamed, S. S., Lukman, N. Z., & Rosli, A. (2026). Perkahwinan lavender: Cabaran keutuhan institusi keluarga dalam konteks undang-undang syariah keluarga Islam di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 145 – 165

Abstrak: Dalam pembentukan landskap masyarakat moden yang semakin kompleks, institusi perkahwinan berdepan dengan pelbagai bentuk cabaran baru antaranya kemunculan fenomena perkahwinan lavender. Perkahwinan lavender merujuk kepada perkahwinan yang dilakukan atas dasar kepentingan tertentu, khususnya melibatkan individu lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT) yang memasuki perkahwinan heteroseksual untuk menyembunyikan orientasi seksual sebenar atau memenuhi tekanan sosial dan keluarga. Artikel ini menganalisis fenomena perkahwinan lavender sebagai cabaran kontemporari terhadap keutuhan institusi keluarga dalam konteks Undang-Undang Syariah Keluarga Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis doktrinal terhadap peruntukan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan enakmen negeri yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkahwinan lavender meskipun sah dari segi administratif namun ianya bercanggah dengan objektif syariah dalam perkahwinan, khususnya pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), kehormatan (hifz al-'ird), dan kemaslahatan keluarga. Perkahwinan yang dimeterai atas dasar penipuan, ketidakjujuran mengenai orientasi seksual, atau tanpa niat sebenar untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan boleh membatalkan kesahan kontrak nikah dan memberikan hak kepada pasangan yang teraniaya untuk memohon fasakh. Artikel ini juga mencadangkan penguatan mekanisme pra-perkahwinan, pendidikan hukum keluarga Islam, dan penambahbaikan

prosedur Mahkamah Syariah dalam menangani isu ini dengan berlandaskan keadilan, belas kasihan, dan prinsip-prinsip syariah yang komprehensif.

Kata Kunci: *Perkahwinan Lavender, Undang-Undang Keluarga Islam, Keutuhan Keluarga, LGBT, Fasakh*

Abstract: *In the formation of an increasingly complex modern societal landscape, the institution of marriage faces diverse emerging challenges, among which is the phenomenon of lavender marriage. Lavender marriage refers to a marital arrangement entered into for specific interests, particularly involving lesbian, gay, bisexual, and transgender (LGBT) individuals who enter heterosexual marriages to conceal their true sexual orientation or to comply with social and familial pressures. This article analyses the phenomenon of lavender marriage as a contemporary challenge to the integrity of the family institution within the framework of Islamic Shariah family law in Malaysia. The study adopts a qualitative approach with doctrinal analysis of the provisions under the Islamic Family Law Act (Federal Territories) 1984 and relevant state enactments. Findings reveal that while lavender marriages may be administratively valid, they fundamentally contradict the objectives of Shariah (maqasid al-shariah) in marriage particularly the preservation of progeny (hifz al-nasl), honour (hifz al-'ird), and the overall welfare of the family. Marriages solemnised on the basis of deception, dishonesty regarding sexual orientation, or without genuine intent to fulfil marital responsibilities may invalidate the marriage contract ('aqd al-nikah) and entitle the aggrieved spouse to seek judicial dissolution (fasakh). The article further proposes the strengthening of pre-marital screening mechanisms, enhanced Islamic family law education, and procedural improvements within the Syariah Court system to address this issue grounded in justice, compassion, and comprehensive Shariah principles.*

Keywords: *Lavender Marriage, Islamic Family Law, Family Integrity, LGBT, Fasakh*

Pengenalan

Institusi keluarga merupakan asas kepada pembentukan masyarakat yang stabil dan lestari. Perkahwinan menurut Islam bermatlamat membangun institusi sosial yang memelihara kehormatan, memastikan kesinambungan keturunan, serta membentuk kesejahteraan individu dan Masyarakat (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et.al, 2022) Oleh itu, keutuhan institusi keluarga bergantung kepada pelaksanaan perkahwinan yang berteraskan kejujuran, tanggungjawab dan keseimbangan hak serta kewajipan antara suami dan isteri. Penyeliaan hal ehwal perkahwinan, perceraian dan perlindungan kebajikan keluarga Muslim di Malaysia di atur dalam Undang-Undang Syariah Keluarga Islam. Mekanisme undang-undang ini bukan sahaja bertindak memastikan pematuhan terhadap rukun dan syarat sah perkahwinan, malah berfungsi sebagai mekanisme tadbir urus keluarga yang selaras dengan objektif syariah (*maqāṣid al-sharī'ah*), khususnya dalam memelihara keturunan (*ḥifẓ al-nasl*), kehormatan (*ḥifẓ al-'ird*) dan kemaslahatan institusi keluarga.

Walau bagaimanapun, institusi perkahwinan Islam berdepan dengan cabaran kontemporari yang semakin kompleks antaranya fenomena perkahwinan lavender. Perkahwinan lavender merujuk kepada perkahwinan heteroseksual yang dimeterai atas dasar kepentingan tertentu, khususnya melibatkan individu berorientasi homoseksual atau transgender yang berkahwin untuk menyembunyikan orientasi seksual sebenar atau memenuhi tekanan sosial, keluarga dan agama (Tika Dewi, 2025). Fenomena ini menimbulkan persoalan serius terhadap integriti

perkahwinan sebagai institusi yang berasaskan kejujuran, kerelaan dan kemampuan untuk menunaikan tanggungjawab perkahwinan secara sebenar. Perkahwinan lavender menimbulkan kekeliruan mengenai kesahan sebuah perkahwinan dalam konteks perundangan negara dan prinsip syariah. Meskipun perkahwinan tersebut mematuhi prosedur dan memenuhi keperluan administratif tetapi penipuan dan kegagalan memenuhi hak pasangan berpotensi mencanggahi objektif perkahwinan dalam Islam.

Selain itu, ketidakjujuran dalam perkahwinan turut memberi kesan penganiayaan kepada pasangan dari sudut emosi dan mental. Sedangkan perkahwinan bertujuan mewujudkan ketenangan (Sakinah), kasih sayang (Mawaddah) dan belas ihsan (Rahmah). (Reno Ismanto, 2020). Maka, sebarang bentuk tindakan yang menggugat maksud tujuan itu mestilah diatasi melalui bimbingan nasihat atau mengakhirinya dengan kaedah pembubaran perkahwinan. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, Akta dan enakmen (negeri) Undang-Undang Keluarga Islam telah disusun untuk melindungi hak pasangan dalam perkahwinan. Namun, tiada undang-undang khusus diatur untuk mencegah kelangsungan perkahwinan lavender.

Perbincangan mengenai perkahwinan lavender semakin mendapat perhatian dalam wacana sosial dan media, akan tetapi, analisis akademik yang mengkaji fenomena ini dalam konteks Undang-Undang Syariah Keluarga Islam di Malaysia masih terhad. Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis perkahwinan lavender sebagai cabaran terhadap keutuhan institusi keluarga dengan meneliti peruntukan undang-undang keluarga. Analisis ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan tadbir urus keluarga Islam serta penambahbaikan mekanisme perundangan dalam menangani cabaran perkahwinan kontemporari di Malaysia.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk;

1. Menjelaskan konsep dan cabaran Perkahwinan Lavender terhadap institusi keluarga Islam.
2. Mengenalpasti fenomena Perkahwinan Lavender menurut perspektif fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.
3. Menganalisis kawalan pencegahan Perkahwinan Lavender menurut Maqasid Syariah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian perpustakaan (doctrinal legal research) yang menumpukan kepada analisis normatif terhadap sumber-sumber hukum syarak, peruntukan perundangan sedia ada serta literatur akademik berkaitan. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian bertujuan meneroka secara konseptual dan menilai secara kritikal fenomena perkahwinan lavender dalam kerangka Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia tanpa melibatkan pengumpulan data empirikal daripada responden. Data dikumpulkan daripada dua kategori utama, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merangkumi al-Quran, al-Hadis sahih, karya-karya fiqh klasik dan kontemporari, serta peruntukan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia termasuk Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Sumber sekunder pula meliputi artikel jurnal berwasit, fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan, laporan institusi kehakiman syariah, serta kajian terdahulu berkaitan isu penipuan dalam perkahwinan, fasakh dan maqasid al-shariah. Pengumpulan bahan dilakukan secara sistematik melalui pangkalan data akademik seperti MyCite, Google Scholar dan JSTOR dengan menggunakan kata kunci yang relevan seperti “fasakh”, “tadlis”, “nafkah batin”, “*darar*”, dan “mixed orientation marriage”.

Analisis data dilaksanakan melalui pendekatan analisis dokumen secara sistematis. Pada peringkat pertama, data dianalisis menggunakan kaedah analytical coding dengan mengenal pasti dan mengklasifikasikan peruntukan undang-undang, prinsip fiqh serta dapatan literatur kepada tema-tema utama seperti kesahan reda dalam akad, unsur tadlis, konsep darar, kegagalan tanggungjawab perkahwinan dan mekanisme fasakh. Pengekoden ini bertujuan memastikan dapatan disusun secara terstruktur dan mengelakkan analisis bersifat deskriptif semata-mata. Pada peringkat kedua, kajian menggunakan pendekatan interpretive bagi mentafsir peruntukan undang-undang dan prinsip fiqh dalam kerangka Maqasid al-Shariah. Penilaian dilakukan berdasarkan lima objektif utama syariah dengan penekanan khusus terhadap *hifz al-nasl* (pemeliharaan keturunan) dan *hifz al-'ird* (pemeliharaan maruah). Tafsiran ini bertujuan menilai sama ada mekanisme perundangan sedia ada mampu menangani fenomena penyembunyian fakta material dalam perkahwinan secara substantif, bukan sekadar prosedural. Pada peringkat ketiga, analisis kritikal perundangan dijalankan untuk menilai keberkesanan dan kecukupan remedi yang tersedia dalam Undang-Undang Keluarga Islam, khususnya melalui mekanisme fasakh dan prinsip *sadd al-dhara'i* sebagai pendekatan pencegahan terhadap kemudaratannya yang berpotensi menjejaskan institusi keluarga.

Kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi pertimbangan etika akademik melalui penggunaan bahasa yang objektif dan analitis selaras dengan prinsip syarak. Istilah “perkahwinan lavender” digunakan sebagai kategori analisis terhadap fenomena sosial tertentu dan tidak membawa maksud pengiktirafan terhadap status syaraknya, yang jelas bercanggah dengan prinsip asas perkahwinan Islam yang sah. Keterbatasan kajian diakui kerana ia terhad kepada analisis dokumen tanpa penglibatan data empirikal daripada individu terlibat. Keterbatasan ini selaras dengan sensitiviti isu serta kekangan perundangan dan sosial dalam konteks Malaysia. Walau bagaimanapun, pendekatan doctrinal dan interpretive yang digunakan membolehkan penilaian normatif yang mendalam terhadap kerangka undang-undang sedia ada.

Kajian Literatur

Literatur klasik dan kontemporari sepakat bahawa institusi keluarga merupakan teras utama pembentukan masyarakat dan kestabilan sosial. Dalam perspektif Islam, perkahwinan bukan sekadar hubungan peribadi antara dua individu, tetapi sebuah institusi sosial yang memikul fungsi pemeliharaan agama, keturunan dan kehormatan. Al-Ghazali dan al-Shatibi menegaskan bahawa perkahwinan berperanan merealisasikan *maqāṣid al-sharī'ah*, khususnya *hifz al-nasl* dan *hifz al-'ird*, yang menjadi asas kepada kesejahteraan masyarakat secara kolektif. Kajian kontemporari pula mengaitkan institusi keluarga dengan aspek tadbir urus sosial (*family governance*), di mana kestabilan keluarga dilihat sebagai faktor penting dalam kelestarian institusi negara dan kesejahteraan ekonomi. Dalam konteks ini, keruntuhan nilai kejujuran dan tanggungjawab dalam perkahwinan bukan sahaja memberi kesan kepada pasangan, malah mencetuskan implikasi sosial yang lebih luas seperti konflik rumah tangga, perceraian dan trauma psikologi.

Literatur berkaitan Undang-Undang Syariah Keluarga Islam di Malaysia banyak menumpukan kepada aspek kesahan perkahwinan, rukun dan syarat nikah, serta peranan Mahkamah Syariah dalam melindungi hak pasangan. Sarjana undang-undang Islam tempatan menegaskan bahawa kesahan perkahwinan tidak boleh dinilai secara formalistik semata-mata, sebaliknya perlu mengambil kira elemen niat, kejujuran dan kemampuan menunaikan tanggungjawab perkahwinan. Kajian-kajian berkaitan fasakh dan pembatalan perkahwinan menunjukkan bahawa unsur penipuan (*gharar*), penyembunyian maklumat material dan ketidakmampuan menjalankan kehidupan suami isteri boleh menjadi asas kepada pembubaran perkahwinan.

Walau bagaimanapun, perbincangan ini kebanyakannya bersifat umum dan tidak secara khusus mengaitkan prinsip-prinsip tersebut dengan fenomena perkahwinan lavender sebagai isu kontemporari.

Dalam literatur Barat, perkahwinan lavender dibincangkan terutamanya dalam konteks sejarah dan sosiologi, khususnya sebagai strategi individu homoseksual untuk melindungi reputasi sosial atau kerjaya dalam masyarakat yang bersifat heteronormatif. Kajian-kajian ini menumpukan kepada aspek tekanan sosial, identiti seksual dan implikasi psikologi terhadap pasangan. Dalam konteks masyarakat Muslim, perbincangan mengenai perkahwinan lavender masih terhad dan sering ditinggalkan secara normatif atau moralistik. Beberapa kajian menyentuh isu perkahwinan yang melibatkan penyembunyian orientasi seksual sebagai bentuk penipuan yang bercanggah dengan prinsip keadilan dan kerelaan dalam perkahwinan Islam. Namun, analisis yang menghubungkan fenomena ini secara langsung dengan kerangka Undang-Undang Syariah Keluarga Islam, khususnya dari sudut kesahan perkahwinan dan remedi perundangan, masih kurang diberikan perhatian.

Realiti Malaysia: Ketiadaan Kes Spesifik dan Cabaran Dokumentasi

Analisis mekanisme undang-undang berkaitan perkahwinan lavender di Malaysia berhadapan cabaran utama iaitu ketiadaan kes mahkamah yang secara eksplisit dirujuk sebagai “kes lavender”. Hal ini berpunca daripada sensitivity sosial dan stigma, implikasi jenayah syariah berkaitan perlakuan homoseksual di beberapa negeri dan kecenderungan pihak terlibat untuk menggunakan alasan umum seperti “tiada nafkah batin” atau “pengabaian tanggungjawab”.

Namun, ketiadaan label khusus tidak bermakna ketiadaan fenomena. Dalam situasi di mana isteri mengetahui bahawa suaminya adalah homoseksual dan telah menyembunyikannya sebelum akad, tuntutan fasakh boleh dibuat atas beberapa alasan munasabah seperti kegagalan memberi nafkah batin, pengabaian tanggungjawab perkahwinan atau kemudaratan (*darar syarie*) (Zanariah Dimon, 2019). Asas ini selari dengan prinsip maqasid al-syariah dalam memelihara keturunan dan maruah serta keadilan dalam hubungan kontaktual.

Dalam konteks perbandingan serantau, keputusan oleh Pengadilan Agama Jakarta Timur di Jakarta Timur menunjukkan bahawa penyembunyian orientasi seksual oleh suami boleh menjadi dasar yang sah untuk pembatalan atau perceraian perkahwinan (Ahmad, Muhamad Arifin, 2025). Pendekatan ini mencerminkan bahawa institusi kehakiman syariah moden sedang berhadapan cabaran sosial yang serupa dan mentafsir prinsip klasik seperti *tadlis* (penipuan) dan *darar* dalam konteks kontemporari. Walaupun struktur perundangan Malaysia dan Indonesia berbeza, analogi ini mengukuhkan hujah bahawa sistem syariah mempunyai mekanisme adaptif untuk menangani isu penyembunyian dalam perkahwinan.

Pandangan Ulama Kontemporari

Ulama kontemporari telah membincangkan isu perkahwinan lavender dan mixed orientation marriage daripada pelbagai sudut hukum dan etika, antaranya;

1. Syarat Taubat dan Kejujuran

Majoriti ulama berpandangan bahawa individu yang mempunyai kecenderungan homoseksual hanya boleh memasuki perkahwinan heteroseksual sekiranya mereka telah bertaubat secara Ikhlas daripada perbuatan terdahulu serta beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab perkahwinan dengan penuh komitmen. Di samping itu, aspek kejujuran mengenai keadaan diri yang boleh memberi Kesan kepada kehidupan rumah tangga turut ditekankan (Danuwa, 2025).

2. Larangan Penipuan (Gharar dan Tadlis)

Penyembunyian orientasi seksual yang boleh mempengaruhi Keputusan bakal pasangan untuk berkahwin dianggap sebagai satu bentuk penipuan (*tadlis*) yang ditegah dalam Islam. Perkahwinan yang diasaskan atas maklumat yang tidak lengkap atau disembunyikan boleh menjejaskan keabsahan persetujuan (Redha) dalam akad. (Habibie, 2025, Dewi 2025 & Danuwa, 2025).

3. Hak Pasangan untuk Fasakh

Sekiranya selepas perkahwinan didapati bahawa salah seorang pasangan menyembunyikan orientasi homoseksual atau gagal melaksanakan tanggungjawab asas perkahwinan, pihak yang teraniaya mempunyai hak untuk menuntut pembubaran perkahwinan melalui fasakh. Prinsip ini selaras dengan keadilan syariah yang melindungi hak dan kesejahteraan pasangan (Danuwa, 2025 & Din et al, 2018).

4. Pendekatan Belas Kasihan

Dalam masa yang sama, ulama menekankan pendekatan yang berteraskan hikmah, belas kasihan dan kefahaman terhadap individu yang berdepan konflik identity atau kecenderungan seksual. Pendidikan agama, kaunseling professional serta sokongan sosial dilihat sebagai mekanisme penting bagi menangani isu ini tanpa mengabaikan prinsip-prinsip syariah (Danuwa, 2025).

Kajian lapangan oleh Habibie et al. (2025) yang melibatkan temu bual Bersama ulama di kota medan menunjukkan peningkatan kesedaran terhadap fenomena ini dalam kalangan sarjana Islam di Rantau Asia Tenggara. Perbincangan mereka mengaitkan isu perkahwinan lavender dengan maqasid al-syariah dan kepetingan pemeliharaan institusi keluarga, sekaligus mencerminkan usaha untuk menyesuaikan panduan hukum dengan reality sosial kontemporari, termasuk dalam konteks Malaysia.

Berdasarkan sorotan literatur, dapat dirumuskan bahawa kajian sedia ada masih terhad dalam beberapa aspek. Pertama, fenomena perkahwinan lavender jarang dianalisis secara khusus dalam kerangka Undang-Undang Syariah Keluarga Islam di Malaysia. Kedua, kebanyakan kajian menilai kesahan perkahwinan dari sudut formal dan prosedural tanpa meneliti implikasi substantif. Ketiga, perbincangan mengenai mekanisme perlindungan undang-undang dan pencegahan perkahwinan lavender masih belum dikembangkan secara menyeluruh. Sehubungan itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menganalisis fenomena perkahwinan lavender sebagai cabaran terhadap keutuhan institusi keluarga Islam melalui pendekatan undang-undang dan maqasid, selaras dengan keperluan tadbir urus keluarga dan kestabilan sosial di Malaysia.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini menfokuskan kepada tiga perbincangan utama. Pertama, definisi dan konsep perkahwinan lavender. Kedua, fenomena perkahwinan lavender dan ketiga, kawalan pencegahan perkahwinan lavender menurut perspektif maqasid syariah.

Definisi dan Konsep Perkahwinan

Istilah "perkahwinan lavender" (*lavender marriage*) merujuk kepada perkahwinan heteroseksual yang dilakukan oleh individu yang mempunyai orientasi seksual homoseksual atau biseksual, dengan tujuan menyembunyikan orientasi seksual sebenar mereka daripada masyarakat, keluarga, atau komuniti agama (Habibie, 2025 & Dewi, 2025). Perkahwinan sedemikian sering kali dimeterai atas dasar kepentingan sosial, tekanan keluarga, atau untuk

memenuhi jangkaan masyarakat dan agama, tanpa niat sebenar untuk memenuhi objektif perkahwinan Islam (Danuwa, 2025).

Dalam konteks yang lebih luas, perkahwinan lavender boleh dikategorikan sebagai "*mixed orientation marriage*" (MOM), iaitu perkahwinan antara individu dengan orientasi seksual yang berbeza, di mana salah seorang atau kedua-dua pasangan mempunyai kecenderungan homoseksual atau biseksual (Aprilia et al. 2023 & Ritonga 2025). Fenomena ini berbeza daripada perkahwinan *sham* atau perkahwinan palsu yang dilakukan semata-mata untuk tujuan imigresen atau kepentingan material lain (Alobadey et al. 2023).

Menurut Habibie *et al.* (2025), perkahwinan lavender boleh diklasifikasikan sebagai penipuan atau kecacatan dalam akad menurut hukum Islam kerana wujud unsur menyembunyian maklumat penting yang berpotensi mempengaruhi persetujuan pasangan. Dewi et al. (2025) pula menegaskan bahawa walaupun perkahwinan tersebut mungkin sah dari sudut pentadbiran undang-undang, ia tetap bercanggah dengan maqasid al-syariah dalam perkahwinan, khususnya dari aspek pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), kehormatan dan kesejahteraan institusi keluarga.

Fenomena Perkahwinan Lavender: Analisis Kontekstual

(a) Faktor Pendorong Perkahwinan Lavender

Fenomena perkahwinan lavender didorong oleh pelbagai faktor sosial, budaya, dan agama yang kompleks. Kajian oleh Danuwa et al. (2025) mengenal pasti bahawa individu LGBT semakin memasuki perkahwinan heteroseksual untuk mematuhi jangkaan masyarakat atau keluarga, atau untuk menyembunyikan orientasi seksual mereka. Faktor-faktor utama yang mendorong perkahwinan lavender dapat dilihat melalui jadual dibawah:

Jadual 1: Faktor-faktor Perkahwinan Lavender

Faktor	Alasan
Tekanan Sosial dan Keluarga	Dalam masyarakat Malaysia yang masih memegang teguh nilai-nilai tradisional dan agama, terdapat tekanan yang kuat untuk berkahwin dan membina keluarga. Individu LGBT yang tidak ingin mendedahkan orientasi seksual mereka mungkin merasakan tekanan untuk memasuki perkahwinan heteroseksual bagi memenuhi jangkaan keluarga dan Masyarakat (Habibie, 2025, Dewi et al. 2025 & Mohamad, 2011).
Stigma dan Diskriminasi	Orientasi seksual homoseksual masih dianggap tabu dan dilarang dalam Islam dan undang-undang Malaysia. Individu LGBT mungkin memasuki perkahwinan lavender untuk mengelakkan stigma sosial, diskriminasi, atau tindakan undang-undang (Danuwa, 2025 & Aprilia et al. 2023).
Jangkaan Agama	Dalam Islam, perkahwinan adalah sunnah dan dianggap sebagai separuh daripada agama. Individu Muslim yang mempunyai kecenderungan homoseksual mungkin memasuki perkahwinan heteroseksual dengan harapan dapat "menyembuhkan" atau mengawal kecenderungan tersebut, atau untuk memenuhi tanggungjawab agama mereka (Habibie, 2025 & Danuwa, 2025).
Keinginan untuk Mempunyai Keturunan	Sesetengah individu LGBT mungkin memasuki perkahwinan heteroseksual kerana keinginan untuk mempunyai anak dan membina keluarga, walaupun mereka tidak tertarik secara seksual kepada pasangan mereka (Aprilia et al., 2023)

(b) Bentuk dan Manifestasi Perkahwinan Lavender

Perkahwinan lavender boleh mengambil pelbagai bentuk dan manifestasi, bergantung kepada tahap kesedaran dan persetujuan antara pasangan. Secara ringkasnya dapat dilihat melalui rajah dibawah:

Perkahwinan dengan Penipuan Sepenuhnya

Dalam kes ini, salah seorang pasangan (biasanya yang mempunyai orientasi homoseksual) menyembunyikan sepenuhnya orientasi seksual mereka daripada pasangan yang lain. Pasangan yang teraniaya tidak mengetahui sama sekali mengenai orientasi seksual sebenar pasangannya sehingga selepas perkahwinan (Habibie, 2025, Dewi et al. 2025 & Danuwa, 2025)

Perkahwinan dengan Persetujuan Bersama

Dalam sesetengah kes, kedua-dua pasangan mungkin menyedari orientasi seksual masing-masing dan bersetuju untuk memasuki perkahwinan atas dasar kepentingan bersama (contohnya, untuk memenuhi jangkaan keluarga atau mendapatkan faedah sosial). Walau bagaimanapun, bentuk perkahwinan ini masih bermasalah dari perspektif maqasid al-shariah kerana ia tidak memenuhi objektif sebenar perkahwinan Islam (Aprilia et al., 2023)

Perkahwinan dengan Harapan Perubahan

Sesetengah individu LGBT mungkin memasuki perkahwinan heteroseksual dengan harapan bahawa perkahwinan tersebut akan membantu mereka mengubah atau mengawal orientasi seksual mereka. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa orientasi seksual adalah aspek yang mendalam dan stabil dalam identiti seseorang, dan perkahwinan sahaja tidak dapat mengubahnya (Danuwa, 2025 & Aprilia et al., 2023)

Rajah 1: Bentuk Perkahwinan Lavender

(c) Implikasi terhadap Pasangan dan Keluarga

Perkahwinan lavender boleh mengakibatkan pelbagai implikasi negatif terhadap pasangan dan keluarga seperti kesan terhadap emosi dan psikologi pasangan, ketidakpuasan seksual, risiko kesihatan serta memberikan kesan negatif terhadap anak-anak dan membawa kepada pembubaran perkahwinan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan rajah dibawah:



Rajah 2: Implikasi Perkahwinan Lavender Terhadap Pasangan dan Keluarga

Pasangan yang tidak mengetahui orientasi seksual sebenar pasangannya mungkin mengalami trauma emosi yang mendalam apabila kebenaran terbongkar. Perasaan dikhianati, ditipu, dan tidak dihargai boleh menyebabkan kemudaratannya psikologi yang berpanjangan (Danuwa, 2025 & Din et al., 2018). Perkahwinan lavender sering kali tidak dapat memenuhi keperluan seksual dan emosi kedua-dua pasangan. Pasangan heteroseksual mungkin merasa ditolak dan tidak dicintai, manakala pasangan LGBT mungkin bergelut dengan konflik dalaman antara tanggungjawab perkahwinan dan orientasi seksual sebenar mereka (Aprilia et al., 2023 & Din et al. 2018). Kajian oleh Danuwa et al. (2025) menyerlahkan bahawa perkahwinan lavender, terutamanya apabila dimeterai di bawah alasan palsu, boleh meningkatkan risiko HIV dan penyakit kelamin khususnya jika pasangan LGBT terlibat dalam hubungan lain di luar perkahwinan. Jika perkahwinan lavender menghasilkan anak, ketidakstabilan dan konflik dalam perkahwinan boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan emosi dan psikologi anak-anak). Seterusnya apabila kebenaran mengenai orientasi seksual terbongkar, perkahwinan lavender sering kali berakhir dengan perceraian atau fasakh, yang boleh mengakibatkan trauma kepada semua pihak yang terlibat, termasuk anak-anak dan keluarga besar (Dewi et al., 2025 & Din et al., 2018).

Fenomena perkahwinan lavender menimbulkan cabaran yang signifikan terhadap struktur keluarga tradisional dalam Islam. Perkahwinan yang dimeterai tanpa niat sebenar untuk memenuhi objektif perkahwinan Islam seperti sakinah, mawaddah, rahmah serta pemeliharaan keturunan mencabar konsep asas perkahwinan sebagai sebuah institusi suci. Selain itu, perkahwinan lavender yang melibatkan penyembunyian orientasi seksual turut mencabar nilai kejujuran dan keterbukaan yang menjadi asas kepada hubungan perkahwinan yang sihat dan beretika. Ketidakejujuran ini sering membawa kepada ketidakstabilan rumah tangga, di mana perkahwinan lavender cenderung berakhir dengan perceraian, sekali gus menjejaskan keutuhan institusi keluarga serta kesejahteraan pasangan dan anak-anak. Di samping itu, fenomena ini turut menimbulkan cabaran perundangan yang kompleks, khususnya berkaitan dengan kesahan perkahwinan, perlindungan hak pasangan dan remedi undang-undang yang tersedia, yang memerlukan penelitian serta penambahbaikan dalam kerangka perundangan sedia ada bagi memastikan keadilan dan kemaslahatan keluarga Islam terpelihara.

Kesahan Perkahwinan Lavender: Analisis Fiqh Dan Perundangan

(a) Syarat Niat dan Persetujuan dalam Kontrak Nikah

Dalam hukum Islam, niat (*niyyah*) dan persetujuan yang bebas adalah syarat asas untuk kesahan kontrak nikah. Perkahwinan yang dimeterai tanpa niat yang ikhlas untuk memenuhi objektif perkahwinan Islam atau tanpa persetujuan yang bebas dan berinformasi boleh dianggap cacat atau tidak sah (Danuwa, 2025, Mohamad, 2011 & Mohd et al., 2020).

Dalam konteks perkahwinan lavender, beberapa persoalan timbul berkaitan dengan niat dan persetujuan:

- (i) **Niat yang Tidak Ikhlas:** Jika salah seorang pasangan memasuki perkahwinan semata-mata untuk menyembunyikan orientasi seksual mereka atau memenuhi tekanan sosial, tanpa niat sebenar untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan, kesahan niat tersebut boleh dipersoalkan (Habibie, 2025, Dewi et al., 2025 & Danuwa, 2025).
- (ii) **Persetujuan yang Cacat:** Jika pasangan memberikan persetujuan untuk berkahwin berdasarkan maklumat yang tidak lengkap atau salah (contohnya, tidak mengetahui orientasi seksual sebenar pasangan), persetujuan tersebut boleh dianggap cacat

kerana ia tidak diberikan secara berinformasi (*informed consent*) (Danuwa, 2025 & Mohamad, 2011).

Danuwa et al. (2025) menegaskan bahawa perkahwinan heteroseksual di kalangan individu LGBT hanya sah jika dimeterai dengan kejujuran, taubat yang ikhlas, dan komitmen yang tulen untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan. Ini menunjukkan bahawa niat yang ikhlas dan kejujuran adalah syarat penting untuk kesahan perkahwinan dari perspektif maqasid al-shariah.

(b) Penipuan dan Penyembunyian Maklumat Penting

Dalam hukum kontrak Islam, penipuan (*tadlis*) dan penyembunyian maklumat penting yang boleh mempengaruhi keputusan pihak lain untuk memasuki kontrak boleh menjejaskan kesahan kontrak tersebut. Prinsip ini juga terpakai kepada kontrak nikah (Danuwa, 2025 & Mohamad, 2011).

Dalam konteks perkahwinan lavender, penyembunyian orientasi seksual sebenar boleh dianggap sebagai penipuan yang material kerana:

- (i) **Mempengaruhi Keputusan untuk Berkahwin:** Jika pasangan mengetahui orientasi seksual sebenar pasangannya, mereka mungkin tidak akan bersetuju untuk berkahwin (Danuwa, 2025).
- (ii) **Menjejaskan Hak Pasangan:** Penyembunyian orientasi seksual boleh menjejaskan hak pasangan untuk mendapatkan kepuasan seksual dan emosi dalam perkahwinan, serta hak untuk melahirkan anak (Danuwa, 2025 & Din et al., 2018).
- (iii) **Mengakibatkan Kemudaratan:** Penipuan tersebut boleh mengakibatkan kemudaratan emosi, psikologi, dan kesihatan kepada pasangan yang teraniaya (Danuwa, 2025).

Habibie et al. (2025) mendapati bahawa perkahwinan lavender diklasifikasikan sebagai penipuan atau cacat di bawah hukum Islam. Dewi et al. (2025) juga menegaskan bahawa fenomena perkahwinan lavender, walaupun sah secara administratif, adalah bertentangan dengan maqasid perkahwinan menurut hukum Islam.

(c) Ketidakupayaan Memenuhi Tanggungjawab Perkahwinan

Salah satu syarat penting untuk kesahan perkahwinan ialah kemampuan kedua-dua pasangan untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan, termasuk tanggungjawab seksual, emosi, dan kewangan. Ketidakupayaan untuk memenuhi tanggungjawab ini boleh menjadi alasan untuk fasakh perkahwinan (Din et al., 2018 & Abidin et al., 2025).

Dalam konteks perkahwinan lavender, beberapa isu timbul berkaitan dengan kemampuan untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan:

- (i) **Ketidakupayaan Seksual:** Jika pasangan LGBT tidak tertarik secara seksual kepada pasangan heteroseksual mereka, mereka mungkin tidak dapat memenuhi tanggungjawab seksual dalam perkahwinan, yang merupakan hak asas pasangan (Danuwa, 2025 & Din et al., 2018).
- (ii) **Ketidakupayaan Emosi:** Perkahwinan lavender sering kali tidak dapat menyediakan hubungan emosi yang mendalam dan memuaskan yang merupakan objektif perkahwinan Islam (*sakinah, mawaddah, rahmah*) (Danuwa, 2025 & Aprilia et al., 2023).
- (iii) **Tingkah Laku di Luar Perkahwinan:** Jika pasangan LGBT terlibat dalam hubungan homoseksual di luar perkahwinan, ia merupakan pelanggaran serius

terhadap tanggungjawab perkahwinan dan boleh menjadi alasan untuk fasakh (Danuwa, 2025).

Danuwa et al. (2025) menegaskan bahawa selepas perkahwinan, tingkah laku LGBT yang tidak bertaubat menjadikan perkahwinan tersebut cacat dari segi etika, memberikan hak kepada pasangan yang tidak bersalah untuk memohon fasakh.

Implikasi Perundangan Dan Remedi Di Bawah Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia

Kerangka Perundangan Perkahwinan Islam Di Malaysia

(a) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) merupakan undang-undang utama yang mengatur hal ehwal perkahwinan, perceraian, dan kebajikan keluarga Muslim di Wilayah Persekutuan Malaysia. Akta ini telah dipinda beberapa kali untuk menangani isu-isu kontemporari dan meningkatkan perlindungan kepada pihak-pihak yang terlibat, khususnya wanita dan kanak-kanak (Mohamad, 2011). Akta ini mengandungi peruntukan komprehensif mengenai:

Syarat-syarat dan prosedur perkahwinan (Bahagian II)

Pendaftaran perkahwinan (Bahagian III)

Pembubaran perkahwinan melalui perceraian, fasakh, dan khuluk (Bahagian IV)

Hak dan tanggungjawab suami isteri (Bahagian V)

Nafkah dan harta sepencarian (Bahagian VI)

Kesalahan dan penalti (Bahagian IX) (Mohamad, 2011 & Al-Qodsi 2020).

(b) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri

Selain Akta 303 yang terpakai di Wilayah Persekutuan, setiap negeri di Malaysia mempunyai enakmen undang-undang keluarga Islam sendiri yang mengatur hal ehwal perkahwinan dan keluarga Muslim di negeri masing-masing. Antara enakmen yang penting termasuklah:

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002 (Roslan, 2002).

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005

Walaupun terdapat perbezaan kecil dalam peruntukan antara negeri, secara umumnya enakmen-enakmen ini mengandungi peruntukan yang serupa dengan Akta 303 berkaitan dengan syarat kesahan perkahwinan, alasan fasakh, dan perlindungan hak pasangan (Naily et al., 2013 & Mohamad, 2011).

(c) Peruntukan Berkaitan Kesahan Perkahwinan

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 mengandungi beberapa peruntukan penting berkaitan dengan syarat kesahan perkahwinan:

Seksyen 7 menetapkan syarat-syarat minimum untuk perkahwinan, termasuk umur minimum (18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan, atau 18 tahun mengikut pindaan terkini), persetujuan wali, dan ketiadaan halangan syarak.

Seksyen 8 memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk memberikan kebenaran perkahwinan dalam keadaan tertentu, termasuk perkahwinan di bawah umur.

Seksyen 13 mewajibkan permohonan kebenaran berkahwin dibuat kepada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk, dan permohonan tersebut hendaklah disertai dengan sijil kursus pra-perkahwinan.

Seksyen 21 menetapkan bahawa tiada perkahwinan boleh diakadnikahkan tanpa persetujuan wali bagi pihak Perempuan.

Seksyen 23 memperuntukkan bahawa persetujuan kedua-dua pihak adalah perlu untuk kesahan perkahwinan, dan persetujuan tersebut mestilah diberikan secara bebas tanpa paksaan.

Peruntukan-peruntukan ini menekankan kepentingan persetujuan bebas, niat yang ikhlas, dan pemenuhan syarat-syarat syarak dalam memeterai perkahwinan Islam yang sah.

(d) Peruntukan Fasakh dan Pembubaran Perkahwinan

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan beberapa alasan yang membolehkan perkahwinan dibatalkan melalui fasakh:

Seksyen 52 memperuntukkan alasan-alasan fasakh yang boleh dikemukakan oleh isteri, termasuk:

- Suami tidak dapat dijumpai selama lebih daripada satu tahun
- Suami gagal memberi nafkah selama tiga bulan
- Suami dipenjarakan selama tiga tahun atau lebih
- Suami gagal melaksanakan tanggungjawab perkahwinan tanpa sebab yang munasabah
- Suami impoten
- Suami gila atau menghidap penyakit kusta atau penyakit kelamin dalam bentuk yang boleh berjangkit
- Suami memperlakukan isteri dengan kejam
- Sebarang alasan lain yang diiktiraf sebagai sah untuk fasakh mengikut Hukum Syarak (Din et al., 2018)

Seksyen 53 memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh atas permohonan isteri, memerintahkan fasakh perkahwinan atas alasan bahawa perkahwinan itu tidak sah mengikut Hukum Syarak.

Peruntukan-peruntukan ini memberikan remedi perundangan kepada pasangan yang teraniaya dalam perkahwinan yang tidak memenuhi objektif syariah atau melibatkan penipuan dan kemudaratan.

(a) Alasan Fasakh di bawah Seksyen 52 dan 53

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan beberapa alasan yang membolehkan isteri memohon fasakh perkahwinan. Menurut Din et al., (2018), dalam konteks perkahwinan lavender, beberapa alasan yang relevan termasuklah:

- (i) **Seksyen 52(1)(e): Kegagalan Melaksanakan Tanggungjawab Perkahwinan** Jika suami gagal melaksanakan tanggungjawab perkahwinan tanpa sebab yang munasabah selama tempoh satu tahun, isteri boleh memohon fasakh. Dalam konteks perkahwinan

lavender, jika suami tidak dapat memenuhi tanggungjawab seksual atau emosi disebabkan orientasi homoseksual yang disembunyikan, ini boleh menjadi alasan untuk fasakh.

- (ii) **Seksyen 52(1)(f): Impotensi** Jika suami adalah impoten, isteri boleh memohon fasakh. Walaupun orientasi homoseksual tidak sama dengan impotensi dari segi perubatan, ketidakupayaan atau keengganan untuk melakukan hubungan seksual dengan isteri boleh dianggap sebagai bentuk ketidakupayaan seksual yang memberikan hak kepada isteri untuk memohon fasakh.
- (iii) **Seksyen 52(1)(h): Perlakuan Kejam** Jika suami memperlakukan isteri dengan kejam, sama ada dari segi fizikal atau mental, isteri boleh memohon fasakh. Penipuan mengenai orientasi seksual dan kemudaratannya emosi yang diakibatkannya boleh dianggap sebagai bentuk perlakuan kejam dari segi mental.
- (iv) **Seksyen 52(1)(l): Sebarang Alasan Lain yang Sah** Seksyen ini memberikan fleksibiliti kepada Mahkamah untuk mempertimbangkan sebarang alasan lain yang diiktiraf sebagai sah untuk fasakh mengikut Hukum Syarak. Penipuan mengenai orientasi seksual dan ketidakupayaan untuk memenuhi objektif perkahwinan Islam boleh dianggap sebagai alasan yang sah di bawah peruntukan ini.
- (v) **Seksyen 53: Ketidaksahan Perkahwinan** Mahkamah boleh, atas permohonan isteri, memerintahkan fasakh perkahwinan atas alasan bahawa perkahwinan itu tidak sah mengikut Hukum Syarak. Jika perkahwinan dimeterai dengan penipuan atau tanpa niat yang ikhlas, kesahan perkahwinan tersebut boleh dipersoalkan.

(b) Hak Pasangan yang Teraniaya

Menurut Din et al., (2018, Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia memberikan pelbagai hak dan perlindungan kepada pasangan yang teraniaya dalam perkahwinan lavender:

- (i) **Hak untuk Memohon Fasakh:** Seperti yang dibincangkan di atas, pasangan yang teraniaya (biasanya isteri) mempunyai hak untuk memohon fasakh perkahwinan atas pelbagai alasan yang berkaitan dengan kegagalan pasangan untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan.
- (ii) **Hak untuk Mendapatkan Nafkah:** Walaupun perkahwinan dibatalkan melalui fasakh, isteri masih berhak mendapatkan nafkah iddah dan, dalam keadaan tertentu, mut'ah (pemberian saguhati) daripada bekas suami.
- (iii) **Hak untuk Mendapatkan Harta Sepencarian:** Jika terdapat harta yang diperoleh bersama semasa perkahwinan, isteri berhak mendapatkan bahagian yang saksama daripada harta sepencarian tersebut.
- (iv) **Hak untuk Mendapatkan Kaunseling dan Sokongan:** Mahkamah Syariah menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan kepada pasangan yang menghadapi masalah perkahwinan, termasuk kes-kes yang melibatkan penipuan atau ketidakupayaan untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan (Al-Qodsi et al., 2020 & Osman et al., 2022).

Din et al. (2018) menganalisis remedi undang-undang yang tersedia untuk isteri heteroseksual dalam perkahwinan orientasi campuran (*mixed orientation marriage*) di Malaysia, menyerlahkan kepentingan perlindungan hak isteri dalam situasi sedemikian.

(c) Prosedur Mahkamah Syariah

Prosedur untuk memohon fasakh di Mahkamah Syariah melibatkan beberapa langkah:



Rajah 2: Prosedur Mahkamah Syariah

Menurut Din et al. (2018), isteri perlu memfailkan permohonan fasakh di Mahkamah Syariah dengan menyatakan alasan-alasan yang menjadi asas permohonan tersebut sebelum permohonan fasakh didengar, Mahkamah biasanya akan merujuk kes tersebut kepada Unit Kaunseling untuk usaha pendamaian. Ini adalah selaras dengan prinsip Islam yang menggalakkan penyelesaian secara damai dan pemeliharaan institusi perkahwinan (Al-Qodsi et al., 2020 & Osman et al., 2022). Jika usaha pendamaian gagal, kes akan didengar di Mahkamah. Pemohon perlu membuktikan alasan-alasan yang dikemukakan dengan keterangan yang mencukupi, termasuk keterangan saksi, laporan perubatan atau psikologi, dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Jika Mahkamah berpuas hati bahawa alasan-alasan yang dikemukakan adalah sah dan terbukti, Mahkamah akan memerintahkan fasakh perkahwinan. Mahkamah juga akan membuat perintah berkaitan dengan nafkah, harta sepencarian, dan hak penjagaan anak (jika ada) (Din et al., 2018), Al-Qodsi et al. (2020) membincangkan prosedur undang-undang pencegahan dalam mengekalkan keabadian kontrak perkahwinan Islam berdasarkan pengalaman Malaysia, menyerlahkan kepentingan mekanisme pendamaian dan kaunseling.

(d) Kesalahan dan Penalti

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 juga memperuntukkan kesalahan dan penalti berkaitan dengan perkahwinan:

- (i) **Kesalahan Berkahwin Tanpa Kebenaran:** Seksyen 40 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang berkahwin tanpa kebenaran bertulis daripada Pendaftar melakukan kesalahan dan boleh didenda atau dipenjarakan (Borhanuddin et al., 2023).
- (ii) **Kesalahan Memberikan Maklumat Palsu:** Jika seseorang memberikan maklumat palsu atau menyembunyikan maklumat penting dalam permohonan untuk berkahwin, mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang (Borhanuddin et al., 2023).
- (iii) **Kesalahan Zina:** Jika pasangan LGBT terlibat dalam hubungan homoseksual di luar perkahwinan, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang jenayah syariah yang berkaitan dengan kesalahan seksual (Hashim et al., 2025).

Borhanuddin et al. (2023) turut membincangkan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran bagi orang Islam di Malaysia dari perspektif syarak dan undang-undang, menyerlahkan kepentingan pematuhan kepada prosedur undang-undang dalam perkahwinan.

Mekanisme Pencegahan Dan Perlindungan

Bagi menangani fenomena perkahwinan lavender yang semakin mencabar keutuhan institusi keluarga Islam, pendekatan pencegahan dan perlindungan yang komprehensif perlu diberi perhatian serius. Mekanisme yang berkesan bukan sahaja berfungsi untuk mengurangkan kejadian perkahwinan yang berasaskan penipuan dan ketidakjujuran, malah berperanan melindungi hak serta kebajikan pasangan yang teraniaya. Dalam konteks Undang-Undang Syariah Keluarga Islam di Malaysia, usaha pencegahan dan perlindungan ini wajar dirangka selari dengan prinsip maqasid al-shariah bagi memastikan keadilan, kemaslahatan keluarga dan kehormatan individu terus terpelihara. Hal ini dapat dilihat melalui rajah di bawah;

(a) Kursus Pra-Perkahwinan

Salah satu mekanisme pencegahan yang signifikan dalam mengurangkan kejadian perkahwinan lavender ialah pelaksanaan kursus pra-perkahwinan yang komprehensif dan berkesan. Di Malaysia, penyertaan dalam kursus pra-perkahwinan merupakan syarat wajib bagi semua pasangan Muslim yang ingin melangsungkan perkahwinan, mencerminkan komitmen negara dalam menyediakan pasangan dengan pengetahuan dan kemahiran asas untuk membina rumah tangga yang berlandaskan nilai Islam. Kursus pra-perkahwinan yang berkesan perlu merangkumi pendidikan mengenai objektif sebenar perkahwinan dalam Islam seperti sakinah, mawaddah, rahmah dan pemeliharaan keturunan, di samping menekankan kepentingan kejujuran dan keterbukaan antara bakal pasangan dalam perkara-perkara yang boleh mempengaruhi kehidupan perkahwinan, termasuk aspek kesihatan, kewangan dan orientasi seksual. Selain itu, peserta juga perlu didedahkan kepada tanggungjawab dan hak suami isteri, merangkumi tanggungjawab seksual, emosi dan kewangan, serta dilengkapi dengan kemahiran pengurusan konflik dan komunikasi yang berkesan bagi menangani cabaran rumah tangga. Seperti yang ditegaskan oleh Al-Qodsi et al. (2020), seseorang individu di Malaysia tidak dibenarkan memohon kontrak perkahwinan tanpa memperoleh sijil kursus pra-perkahwinan yang melayakkannya untuk mengurus dan memikul tanggungjawab keluarga, sekali gus menunjukkan kesungguhan sistem perundangan Islam di Malaysia dalam memperkukuh asas perkahwinan yang mampan.

(b) Pemeriksaan Kesihatan dan Psikologi

Pemeriksaan kesihatan pra-perkahwinan adalah wajib di Malaysia untuk mengesan penyakit berjangkit dan masalah kesihatan lain yang boleh mempengaruhi perkahwinan (Al-Qodsi, 2020). Walau bagaimanapun, pemeriksaan ini perlu diperluaskan untuk merangkumi aspek psikologi dan kesihatan mental:

Pemeriksaan Psikologi: Pemeriksaan psikologi boleh membantu mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan orientasi seksual, identiti gender, atau masalah kesihatan mental lain yang boleh mempengaruhi kemampuan untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan (Danuwa et al., 2025).

Kaunseling Pra-Perkahwinan: Kaunseling pra-perkahwinan yang komprehensif boleh memberikan ruang yang selamat untuk bakal pasangan membincangkan isu-isu sensitif, termasuk orientasi seksual, dan mendapatkan bimbingan profesional (Danuwa et al., 2025 & Al-Qodsi, 2020).

Pendedahan Sukarela: Mekanisme perlu disediakan untuk menggalakkan pendedahan sukarela mengenai isu-isu yang boleh mempengaruhi perkahwinan, dengan jaminan kerahsiaan dan sokongan profesional (Danuwa et al., 2025).

(c) Pendedahan dan Kaunseling

Pendedahan mengenai orientasi seksual adalah isu yang sensitif dan kompleks. Walau bagaimanapun, dari perspektif hukum Islam dan etika, kejujuran adalah penting untuk kesahan dan keberkesanan perkahwinan (Danuwa et al., 2025):

Kewajipan Pendedahan: Dari perspektif hukum Islam, individu yang mempunyai orientasi homoseksual mempunyai kewajipan moral dan agama untuk mendedahkan orientasi mereka kepada bakal pasangan sebelum perkahwinan, kerana ia adalah maklumat yang material yang boleh mempengaruhi keputusan pasangan untuk berkahwin.

Sokongan Kaunseling: Individu yang bergelut dengan isu orientasi seksual perlu diberikan akses kepada kaunseling profesional yang sensitif dan berasaskan bukti untuk membantu mereka memahami dan menguruskan isu tersebut.

Pendekatan Belas Kasihan: Pendedahan dan kaunseling perlu dilakukan dengan pendekatan yang penuh belas kasihan dan kefahaman, menghormati maruah dan privasi individu sambil tetap menegakkan prinsip-prinsip syariah.

Danuwa et al. (2025) menyeru pendidikan undang-undang, pemeriksaan pra-perkahwinan, dan dasar yang berasaskan objektif Islam untuk menangani isu yang berkembang ini dengan belas kasihan dan kejelasan.

(d) Peranan Wali dan Saksi

Dalam perkahwinan Islam, wali dan saksi memainkan peranan penting dalam memastikan kesahan dan kesesuaian perkahwinan (Mohamad, 2011):

Tanggungjawab Wali: Wali mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa bakal suami adalah sesuai dan mampu untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan. Wali perlu membuat siasatan yang wajar mengenai latar belakang, akhlak, dan kemampuan bakal suami.

Peranan Saksi: Saksi dalam perkahwinan bukan sekadar formaliti tetapi mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa perkahwinan dimeterai dengan persetujuan bebas dan memenuhi syarat-syarat syarak.

Mekanisme Perlindungan: Wali dan saksi boleh bertindak sebagai mekanisme perlindungan untuk mengesan dan mencegah perkahwinan yang bermasalah, termasuk perkahwinan lavender, jika mereka menjalankan tanggungjawab mereka dengan sepenuhnya.

Pendekatan Dan Cadangan Bagi Menangani Perkahwinan Lavender

Menangani isu perkahwinan lavender dalam konteks Malaysia menghadapi beberapa cabaran yang kompleks. Isu orientasi seksual masih dianggap tabu dalam masyarakat, sekali gus menyukarkan perbincangan terbuka dan pendedahan sukarela mengenai keadaan sebenar bakal pasangan. Selain itu, kekurangan kesedaran turut wujud di kalangan masyarakat umum, termasuk pengamal undang-undang dan hakim Mahkamah Syariah, yang mungkin tidak mempunyai pemahaman mencukupi mengenai perkahwinan lavender dan implikasinya. Kesukaran pembuktian juga menjadi cabaran utama, terutamanya apabila pasangan enggan mengakui orientasi seksual mereka, menjadikan penetapan penipuan atau ketidakupayaan memenuhi tanggungjawab perkahwinan lebih sukar. Tambahan pula, terdapat keperluan untuk menyeimbangkan antara hak pasangan untuk memperoleh maklumat lengkap sebelum perkahwinan dengan hak privasi individu terhadap orientasi seksual mereka, bagi memastikan keadilan dan kesejahteraan semua pihak terpelihara. Berikut adalah cadangan bagi menangani perkahwinan lavender;

Jadual 3: Pendekatan dan Cadangan Menangani Perkahwinan Lavender

1	Pendekatan Berasaskan Keadilan dan Belas Kasihan	Dalam menangani isu perkahwinan lavender, adalah penting untuk mengambil pendekatan yang berasaskan keadilan dan belas kasihan: (a) Keadilan untuk Semua Pihak: Menurut Danuwa et al., (2025) Pendekatan yang diambil perlu adil kepada semua pihak yang terlibat, termasuk pasangan yang teraniaya, individu LGBT yang bergelut dengan isu orientasi seksual, dan anak-anak yang mungkin terjejas. (b) Belas Kasihan dan Kefahaman: Isu orientasi seksual adalah kompleks dan sensitif. Pendekatan yang penuh belas kasihan dan kefahaman adalah penting, sambil tetap menegakkan prinsip-prinsip syariah. (c) Sokongan dan Kaunseling: Semua pihak yang terlibat perlu diberikan akses kepada sokongan dan kaunseling profesional untuk membantu mereka menangani cabaran yang dihadapi (Al-Qodsi et al., 2020). (d) Pendidikan dan Kesedaran: Pendidikan dan kesedaran mengenai isu ini perlu ditingkatkan di kalangan masyarakat, pengamal undang-undang, dan hakim Mahkamah Syariah (Danuwa et al., 2025) Danuwa et al. (2025) juga menegaskan bahawa kajian mereka menyeru pendidikan undang-undang, pemeriksaan pra-perkahwinan, dan dasar yang berasaskan objektif Islam untuk menangani isu yang berkembang ini dengan belas kasihan dan kejelasan.
2	Penambahbaikan Kerangka Perundangan	Beberapa penambahbaikan boleh dipertimbangkan untuk kerangka perundangan sedia ada: (a) Penjelasan Alasan Fasakh: Peruntukan mengenai alasan fasakh boleh diperjelas untuk merangkumi secara eksplisit kes-kes yang melibatkan penipuan mengenai orientasi seksual atau ketidakupayaan untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan disebabkan orientasi seksual (Din et al., 2018). (b) Kewajipan Pendedahan: Pertimbangan boleh diberikan untuk memperkenalkan kewajipan undang-undang untuk mendedahkan maklumat material yang boleh mempengaruhi keputusan pasangan untuk berkahwin, termasuk orientasi seksual, dengan perlindungan yang sesuai untuk privasi dan kerahsiaan (Danuwa et al., 2025).

		(c) Pemeriksaan Pra-Perkahwinan yang Komprehensif: Pemeriksaan pra-perkahwinan boleh diperluaskan untuk merangkumi aspek psikologi dan kesihatan mental, dengan kaunseling profesional yang tersedia untuk individu yang memerlukan (Danuwa et al., 2025 & Al-Qodsi et al., 2020). (d) Perlindungan untuk Pasangan yang Teraniaya: Peruntukan yang lebih kukuh boleh diperkenalkan untuk melindungi hak pasangan yang teraniaya dalam perkahwinan lavender, termasuk akses yang lebih mudah kepada fasakh dan pampasan yang sesuai (Din et al., 2018). (e) Latihan untuk Hakim dan Pengamal Undang-Undang: Latihan khusus perlu disediakan untuk hakim Mahkamah Syariah dan pengamal undang-undang mengenai isu perkahwinan lavender dan cara menanganinya dengan sensitif dan berkesan (Din et al., 2018).
3	Pendidikan Kesedaran Masyarakat dan	Pendidikan dan kesedaran masyarakat adalah penting untuk mencegah perkahwinan lavender dan melindungi keutuhan institusi keluarga: (a) Pendidikan Hukum Keluarga Islam: Pendidikan mengenai hukum keluarga Islam, termasuk objektif perkahwinan, tanggungjawab suami isteri, dan kepentingan kejujuran, perlu diperkukuh di sekolah, institusi pengajian tinggi, dan melalui program-program kemasyarakatan (Al-Qodsi et al., 2020 & Osman et al. 2022). (b) Kesedaran mengenai Hak dan Remedi: Masyarakat perlu dididik mengenai hak mereka dalam perkahwinan dan remedi yang tersedia jika hak tersebut dilanggar (Din et al., 2018). (c) Mengurangkan Stigma: Usaha perlu dilakukan untuk mengurangkan stigma yang berkaitan dengan isu kesihatan mental dan orientasi seksual, supaya individu yang bergelut dengan isu ini dapat mendapatkan bantuan profesional tanpa rasa takut atau malu (Danuwa et al., 2025). (d) Peranan Media dan Pemimpin Agama: Media dan pemimpin agama boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai isu ini dan mempromosikan nilai-nilai kejujuran, keadilan, dan belas kasihan dalam perkahwinan (Danuwa et al., 2025).

Kesimpulan

Fenomena perkahwinan lavender menimbulkan cabaran yang signifikan terhadap keutuhan institusi keluarga Islam di Malaysia. Perkahwinan yang dimeterai atas dasar penipuan, penyembunyian orientasi seksual, atau tanpa niat sebenar untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip asas perkahwinan Islam dan objektif maqasid al-shariah, khususnya pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), kehormatan (hifz al-'ird), dan kemaslahatan umum (hifz al-masalahah). Dari perspektif fiqh munakahat, perkahwinan lavender yang melibatkan penipuan atau ketidakupayaan untuk memenuhi tanggungjawab perkahwinan boleh dianggap cacat atau tidak sah. Pasangan yang teraniaya mempunyai hak untuk memohon fasakh di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan enakmen negeri yang berkaitan, berdasarkan alasan-alasan seperti kegagalan melaksanakan tanggungjawab perkahwinan, impotensi, atau perlakuan kejam. Walau bagaimanapun, menangani isu perkahwinan lavender memerlukan pendekatan yang holistik dan berasaskan keadilan serta belas kasihan. Mekanisme pencegahan seperti kursus pra-perkahwinan yang komprehensif, pemeriksaan kesihatan dan psikologi, kaunseling profesional, dan pendidikan masyarakat adalah penting untuk mengurangkan kejadian perkahwinan lavender dan melindungi keutuhan institusi keluarga. Penambahbaikan kepada kerangka perundangan sedia ada, termasuk penjelasan alasan fasakh, kewajipan pendedahan, dan perlindungan yang lebih kukuh untuk pasangan yang teraniaya, juga perlu dipertimbangkan. Latihan khusus untuk hakim Mahkamah Syariah dan pengamal undang-undang mengenai isu ini adalah penting untuk memastikan kes-kes perkahwinan lavender ditangani dengan sensitif dan berkesan. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada perbincangan akademik dan praktikal mengenai isu perkahwinan lavender dalam konteks Malaysia, serta memberikan panduan kepada pengamal undang-undang, hakim Mahkamah Syariah, pembuat dasar, dan masyarakat umum dalam menangani cabaran ini dengan berlandaskan prinsip-prinsip syariah yang komprehensif dan kontekstual.

Rujukan

- Abiddin et al., "Khitbah Marriage in the Malaysian Context: A Legal and Socio-Religious Analysis Through the Lens of Maqasid Al-Shariah," *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 2025. DOI: 10.47772/ijriss.2025.907000159
- Ahmad, Muhamad Arifin, (2025), TINJAUAN HUKUM POSITIF DAN MAQOSID SYARIAH TERHADAP PEMBATALAN PERNIKAHAN KARENA SUAMI HOMOSEKSUAL DALAM PUTUSAN PENGADILAN AGAMA NOMOR 2395/Pdt.G/2024/PA.JT), USRAH: Jurnal Hukum Keluarga Islam. P-ISSN 2747-1411 E-ISSN 2747-1403, Volume 6 Nomor 4, oktober 2025.
- Alobadey et al., "The effects of a sham marriage:-A comparative study."
- Al-Qodsi et al., "Preventive Legal Procedures in Maintaining the Permanence of the Islamic Marriage Contract: Malaysian Experience," *The International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2020. DOI: 10.6007/IJARBS/V10-I4/7143
- Aprilia et al., "Analisis fenomena lgbt dalam mom (mixed orientation marriage) dan dampaknya menurut perspektif ilmu fikih," 2023. DOI: 10.37397/al-usariyah.v1i3.416
- Borhanuddin et al., "bagi Orang Islam di Malaysia: Tinjauan Berdasarkan Perspektif Syarak dan Undang-Undang: Illegal Marriage for Muslims in Malaysia in Malaysia: A Review Based on Shariah and Legal Perspectives."
- Borhanuddin et al., "Kesalahan Berkahwin Tanpa Kebenaran bagi Orang Islam di Malaysia: Tinjauan Berdasarkan Perspektif Syarak dan Undang-Undang," *Jurnal Pengajian Islam*, 2023. DOI: 10.53840/jpi.v16i2.268
- Danuwa et al., "Assessing the Legality of Heterosexual Marriage Among LGBT Individuals: An Analysis from the Perspective of Maqasid al-Shariah," *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 2025. DOI: 10.47772/ijriss.2025.907000147
- Dewi et al., "ANALYSIS OF THE LAVENDER MARRIAGE PHENOMENON AND ITS CHALLENGES TO FAMILY LAW IN INDONESIA."
- Din et al., "Mixed-Orientation Marriages: An Analysis on Heterosexual Wife Legal Redress in Malaysia," *International Journal of Asian Social Science*, 2018. DOI: 10.18488/JOURNAL.1.2018.85.241.255
- Habibie et al., "Lavender Marriage Perspektif Ulama Kota Medan dan Implikasinya dalam Hukum Keluarga Islam di Indonesia."
- Hashim et al., "Transformation of the Syariah Court in Malaysia: Towards the Implementation of Alternative Sentencing for Criminal Offences under Islamic Family Law."
- Maruan et al., "Addressing Unregistered Marriages in Malaysia: A Maqasid al-Shariah Approach to Legal Challenges and Women's Protection," *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 2025. DOI: 10.47772/ijriss.2025.906000468
- Mohamad, "Malaysian Sharia Reforms in Flux: The Changeable National Character of Islamic Marriage," *International Journal of Law, Policy and The Family*, 2011. DOI: 10.1093/LAWFAM/EBQ016
- Mohd et al., "The Theory of Compulsion (Ijbar) in Marriage Under Islamic Law: Incorporation of the Hanafis View on Compulsory Consent in Marriage Under the Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984," 2020. DOI: 10.2991/ASSEHR.K.200306.180
- Naily et al., "Hukum keluarga islam asia tenggara kontemporer : sejarah, pembentukan, dan dinamikanya di malaysia," 2013.
- Osman et al., "التجربة الماليزية في وسائل استقرار الأسرة وإصلاحها في ضوء الشريعة الإسلامية," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 2022. DOI: 10.33102/jfatwa.vol27no2.441
- Reno Ismanto, *Islamitsch Familierecht Journal* – ISSN 2747-1934 (e) Vol. 1, No. 1, Desember 2020, pp. 46 - 65, MAQĀSID PERNIKAHAN PERSFEKTIF IMAM AL-GAZĀLĪ BERDASARKAN KITAB IHYA ULŪM AL-DĪN

- Roslan et al., "Approval of Underage Marriages under Section 8 of the Kelantan Islamic Family Law Enactment 2002: A Case Study Analysis at the Kota Bharu Syariah Lower Court."
- Tika Dewi, Mutia Hafifah, Watni Marpaung, Wahyuni Firnanda, Windy Anastasya. 2025. ANALYSIS OF THE LAVENDER MARRIAGE PHENOMENON AND ITS CHALLENGES TO FAMILY LAW IN INDONESIA. *International Journal of Cultural and Social Science*, 6 (1):155-165
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Syh NoorulMadiah Syed Husin, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Zulfaqar Mamat, Mohamad Aniq Aiman Alias (2022), KONSEP PERKAHWINAN MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN UNDANGUNDANG ISLAM DI MALAYSIA, 8TH International Prophetic Conference SWAN 2022 5th to 6th October 2022 (Hybrid Conference) Organized by: Faculty of Quranic and Sunnah Studies. USIM
- Zanariah Dimon, (2019), *DARAR EMOSI TERHADAP ISTERI DALAM PERKAHWINAN MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA*, *Journal of Muwafaqat*, Vol. 2, No. 1, 2019, pp. 99-115.